

21 MAR 1999

Sulaiman - jawatankuasa

UMNO TUBUH JAWATANKUASA BERTINDAK TANGANI GEJALA FITNAH

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- UMNO menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak bagi menangani gejala memfitnah pemimpin negara dan menyeru agar membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Drs Sulaiman Mohamed berkata jawatankuasa seramai lima orang itu dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Sulaiman berkata selain beliau sendiri dan beberapa anggota MT yang lain, panel peguam UMNO turut menganggotai jawatankuasa bertindak itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri persidangan berita Kelab Kucing Malaysia di sini, beliau berkata jawatankuasa itu tidak berhasrat mengambil sebarang tindakan drastik, tetapi ia akan mengenal pasti cara menangkis tohmahan yang dilemparkan terhadap pemimpin negara.

Beliau berkata pihak berkuasa kini telahpun dapat mengenal pasti daripada mana sumber pita rakaman yang menggunakan ayat suci Al Quran bagi mendorong orang Islam membunuh orang Islam yang lain.

"Perkara ini keterlaluan... bagaimana pula Dr Mahathir boleh dianggap sebagai musuh Islam yang perlu dibinasakan?" katanya.

Sulaiman berkata dalam pita rakaman itu juga, penceramah berkenaan berkata cara untuk menjatuhkan Umno ialah dengan memburuk-buruk Dr Mahathir serta semua anggota MT parti dan kalau perlu kesemua mereka harus dibunuh.

Beliau berkata bagi membendung gejala itu, sekurang-kurangnya tiga pegawai penerangan kini ditempatkan di setiap daerah, bagi memberi penerangan kepada orang-orang kampung menerusi ceramah, dialog, kursus sivik dan pertemuan "empat mata" agar mereka tidak terpedaya dengan fitnah tersebut.

--BERNAMA

AKT RI